

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah tindakan bagi menangani masalah ketidakhadiran pelajar-pelajar ke sekolah disebabkan pandemik COVID-19.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak sekolah dibuka semula mulai 24 Jun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada perkara berkaitan kehadiran murid ke sekolah. Ini adalah penting bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka dengan lebih berkesan. *Dashboard* KPM dibangunkan bagi memantau kehadiran murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod KPM, purata peratus kehadiran murid ke sekolah bagi tempoh Julai hingga awal Oktober 2020 adalah sebanyak 84.18%. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa yakin dengan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak sekolah dalam memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat di sekolah.

Namun, KPM menyedari masih terdapat ibu bapa yang bimbang akan keselamatan anak mereka jika hadir ke sekolah sekiranya terdapat kes jangkitan COVID-19 di kawasan berdekatan. Justeru, KPM mengambil beberapa pendekatan untuk meningkatkan keyakinan ibu bapa agar terus menghantar anak-anak ke sekolah dan seterusnya meningkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah.

Antara pendekatan yang dilaksanakan, guru kelas mengenal pasti punca ketidakhadiran murid ke sekolah pada setiap hari dan seterusnya akan menghubungi ibu bapa/penjaga. Jika ada murid yang dikenal pasti berisiko cicir, guru kelas akan merujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk proses intervensi secara berfokus. Tindakan susulan yang bersesuaian diambil oleh pihak sekolah bagi memastikan murid dapat hadir dan mengikuti pembelajaran di sekolah.

Di samping itu, KPM juga melaksanakan Program Ziarah Cakna bagi menyantuni murid dan ibu bapa dalam membantu menangani masalah ponteng sekolah. Melalui program ini, konsep penyayang diperluas dan diperkuatkan ke arah meningkatkan disiplin dan pembangunan diri murid. Usaha ini digiatkan lagi bagi mengenal pasti

punca ketidakhadiran murid di sekolah dan mengesan murid di rumah bagi memastikan intervensi bersesuaian dapat diambil. Program ini masih diteruskan dan disesuaikan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang sedang berkuat kuasa.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua sekolah telah ditutup bermula 9 November 2020 dan murid terus mengikuti pembelajaran secara *Home-Based Learning* sehingga akhir sesi persekolahan tahun 2020.

Sebagai usaha untuk memastikan murid terus mengikuti pembelajaran walaupun sekolah ditutup, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) terus dilaksanakan mengikut kesesuaian dan kesediaan guru serta murid. Dalam tempoh ini, guru juga melaksanakan pentaksiran berterusan bagi menilai perkembangan pembelajaran murid. Selain itu, KPM melaksanakan pemantauan terhadap sesi PdPR yang dijalankan oleh guru. Pemantauan ini melihat pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan serta bilangan murid yang mengikuti sesi PdPR tersebut. Dapatkan pemantauan ini dapat membantu pihak sekolah membuat tindak susul yang lebih berfokus bagi meningkatkan penyertaan dan pelibatan murid dalam PdPR dan seterusnya tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Apabila sesi persekolahan tahun 2021 bermula, guru akan membuat pengesanan tahap penguasaan kemahiran murid dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian sebelum mengikuti pembelajaran seterusnya. Dengan kaedah ini, KPM dapat memastikan murid adalah bersedia dan berminat untuk terus belajar.

Sekian, terima kasih.